

Kes tembak di Jalan Stephen Yong: Anggota polis trafik didakwa membunuh



DIDAKWA: Tertuduh (dua kanan) diiringi Pegawai Penyiasat ASP Sylvarius Gopog (kanan) serta yang lain keluar dari kamar Mahkamah Majistret setelah selesai sebutan kes, semalam. — Gambar Mohd Falsal Ahmad

KUCHING: Seorang anggota polis trafik berpangkat lans kopersal dari Bukit Aman didakwa di Mahkamah Majistret di sini semalam, atas pertuduhan membunuh seorang lelaki di Jalan Stephen Yong, bulan lalu.

Genesis Nitchell David Reddy, 30, menganggu faham selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Majistret Syarifah Fatimah Azura Wan Ali.

Tiada pengakuan direkodkan daripada tertuduh kerana kes berkenaan di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi.

Mahkamah menetapkan 10 Jun 2025 bagi sebutan semula kes dan tertuduh tidak dibenarkan ikat jamin.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa membunuh Muhammad Zaki Iderus, 34, dengan cara menembak mangsa di Jalan Stephen Yong di sini pada 26 April 2025.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman mati, atau jika tidak dihukum mati, penjara antara 30 hingga 40 tahun dan sekurang-kurangnya 12 sebatan, jika sabit kesalahan.

Tertuduh diwakili peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) Russell Lim dan Brendan Ting.

Terdahulu, media melaporkan pada 26 April 2025, dua lelaki tiba di Balai Polis Batu Kawa sekitar jam 5.30 pagi

dan memaklumkan bahawa rakan mereka telah ditembak ketika melalui Jalan Stephen Yong, Batu Kawa.

Polis kemudian menemui mangsa mati dengan kesan tembakan di kepala.

Ketua Polis Daerah Padawan Superintenden Mohd Irwan Hafiz Md Radzi menerusi kenyataan memaklumkan polis berjaya menahan suspek-suspek terlibat dengan kes itu di beberapa lokasi berbeza antara jam 4 petang dan 5.30 petang hari sama.

Penahanan kesemua suspek dibuat hanya beberapa jam selepas kes itu dilaporkan dan polis turut merampas sepucuk pistol bersama 10 butir peluru.